



ENCIK HENG SWE KEAT

S'pura perlu satukan minda hebat dalam dan luar negara: DPM Heng

Sidang puncak itu, yang diadakan buat kali kedua sejak diperkenal pada 2019, meraikan kesan dan hasil kajian penyelidikan warga Singapura dalam penyelidikan dan inovasi.

Acara dua hari itu menyatukan institut pengajian tinggi Singapura dan penyelidik warga Singapura di dalam dan luar negara untuk mengongsi sumbangan penyelidikan serta membincangkan pandangan mengenai haluan dan inisiatif penyelidikan dalam dunia Covid-19 dan pasca Covid-19.

Sidang puncak anjuran Universiti Teknologi Nanyang (NTU) itu membawa tema Peluang dalam Rancangan Penyelidikan, Inovasi dan Perusahaan 2025 (RIE2025).

Encik Heng berkata sains dan teknologi adalah penting bagi dunia muncul lebih kuat daripada pandemik ini, dan Singapura adalah tempat yang baik untuk menjalankan penyelidikan dan inovasi.

Beliau menerangkan yang pemerintah telah memperuntuk \$25 bilion untuk lima tahun akan datang bagi RIE2025.

Rancangan itu terdiri daripada empat domain iaitu Perkilangan, Perdagangan dan Keterhubungan; Kesihatan dan Potensi Manusia; Huraian Bandar dan Kemampanan; serta Negara Bijak dan Ekonomi Digital.

“Selain itu, kami komited untuk melabur dalam penyelidikan asas – untuk mengembangkan pangkalan keupayaan dan bakat saintifik kami, dan membangunkan harta intelek,” kata Encik Heng.

“Tetapi bahan utama yang Singapura miliki, sebagai titik pertemuan global bagi penyelidikan dan inovasi, adalah dalamnya kerjasama kita dan keterbukaan kita kepada idea baru,” tambahnya.

Encik Heng berkata sumber yang diperuntuk di bawah RIE2025 adalah ketara daripada segi belanjawan negara, tetapi relatif kecil berbanding pelaburan global dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Singapura telah dapat melakukan di luar kemampuannya disebabkan oleh kekuatan kerjasamanya – merentas akademik, sektor swasta dan pemerintah, di dalam dan luar negara, kata Encik Heng.

“Semangat kerjasama ini adalah kekuatan sistem kita, dan satu sifat yang kita perlu terus pupuk,” katanya.

Beliau berkata sidang puncak semalam adalah contoh baik penyatuan banyak bahagian berbeza dalam eko sistem penyelidikan Singapura, termasuk universiti lain dan institut penyelidikan Agensi bagi Sains, Teknologi dan Penyelidikan (A*Star).

Di luar akademik, Singapura juga telah meraih manfaat daripada kekuatan kerjasama antara akademik dengan syarikat.

Memberi contoh, Encik Heng berkata NTU mempunyai beberapa makmal korporat di dalamnya, termasuk makmal dengan syarikat setempat, seperti SingTel dan Surbana Jurong, serta dengan syarikat berbilang negara termasuk Rolls Royce dan HP.

Hubungan kuat yang dibina turut melangkaui negara ini.

“Menerusi kerjasama yang lebih hebat, eko sistem penyelidikan kita jauh lebih hebat daripada jumlah bahagiannya,” kata Encik Heng.

SINGAPURA perlu mengumpulkan minda-minda paling hebat di dalam dan luar negara untuk menangani masalah sukar yang dihadapi manusia.

Kerjasama secara meluas diperlukan bagi menghasilkan kejayaan baru yang boleh memberi kesan kepada dunia dan kehidupan orang ramai.

Menyatakan demikian dalam ucapannya di Sidang Puncak Global Penyelidik Warga Singapura semalam, Timbalan Perdana Menteri, Encik Heng Swee Keat berkata sedang setiap orang boleh memburu kecerlangan kajian secara individu, usaha mereka berlipat kali ganda apabila mereka bekerjasama.

“Dengan semangat kerjasama yang kukuh, Singapura boleh membuat perbezaan sebagai titik pertemuan global bagi penyelidikan dan inovasi,” kata Encik Heng.